



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 28/2026

KEPUTUSAN PENUH PILIHAN RAYA UMUM (PRU)
DEWAN NEGERI JOHOR KE-16

1. Berikut adalah keputusan penuh **Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri Johor Ke-16** yang telah dijalankan dengan bebas, adil dan telus.

BIL.	PARTI / CALON BEBAS	JUMLAH KERUSI YANG DIPEROLEHI
1.	BARISAN NASIONAL (BN)	48
2.	PAKATAN HARAPAN (PH)	8
JUMLAH		56

2. Pada PRU Dewan Negeri Johor Ke-16 ini, seramai **1,874,918** atau **68.73% peratus** telah mengundi. Jumlah tersebut meliputi jumlah **pengundi awal**, **pengundi pos** dan **pengundi biasa** yang telah mengundi.
3. Secara keseluruhannya, SPR berpuas hati dengan proses pengundian yang berlangsung pada 11 Julai 2026 dan

pengundi-pengundi berdaftar telah dapat menunaikan hak dan tanggungjawab mereka. Selain itu, PRU Dewan Negeri Johor Ke-16 juga tidak berlaku sebarang perkara-perkara yang tidak diingini yang boleh menjejaskan proses pilihan raya.

4. Dalam melaksanakan urusan pilihan raya, SPR sentiasa mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.
5. Untuk keterangan lanjut berkenaan keputusan PRU Dewan Negeri Johor Ke-16, sila layari dashboard.spr.gov.my atau menerusi aplikasi MySPR Semak.

DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

12 Julai 2026 / 26 Muharam 1448H